KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA

# NOTA MAKLUMAN
# POLYCC RIDE@LANGKAWI 2025

| MAKLUMAT PROGRAM | |
|---|---|
| **Aktiviti** | POLYCC Ride@Langkawi 2025 |
| **Tarikh** | 15 Februari 2024 (Sabtu) |
| **Tempat Mula/Tamat** | Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC), Langkawi |
| **Anjuran** | Bahagian Ambilan Pembangunan Pelajar (BAPP) |
| **Pengelola bersama** | POLYCC Zon Kedah/Perlis |
| **Penyertaan** | Kategori penyertaan Individu<br><br>1. **PELAJAR - Politeknik & Kolej Komuniti (POLYCC)** Tempatan [Status Aktif]<br>Lelaki & Perempuan berumur 18 Tahun dan keatas<br><br>2. **TERBUKA** - (Kakitangan Kerajaan & Swasta / Pelajar IPTA/IPTS/ Komuniti (Tempatan)<br>Lelaki & Perempuan berumur 18 Tahun dan keatas |
| **Konsep Acara** | Berbasikal (76KM) – FUN RIDE |
| **Trek Laluan** | Jalan Raya |
| **Jenis Basikal** | *Road Bike/ MTB/ Folding Bike* |
| **Sasaran Penyertaan** | 300 Orang |
| **Tarikh Penyertaan Dibuka** | 30 Disember 2024 |
| **Tarikh Penyertaan Ditutup** | 10 Januari 2025 |
| **Tarikh Pengambilan Kit** | 14 Februari 2025 |

<table>
<tr><td>Pendaftaran Online</td><td>Pendaftaran dibuat secara atas talian di web rasmi Karnival TVET POLYCC 2025 ;<br>https://upikptss.edu.my/karnivaltvetpolycc/</td></tr>
<tr><td>Kit Penyertaan</td><td>
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Yuran Penyertaan</th><th>Kit Penyertaan</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Pelajar POLYCC<br>(Percuma)</td><td>● E-Certificate<br>● Sublimation T-Shirt<br>● Medal<br>● Bib Plat Numb<br>● Cabutan Bertuah</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Terbuka<br>RM70.00</td><td>● E-Certificate<br>● Sublimation T-Shirt<br>● Medal<br>● Non Woven Bag<br>● Bib Plat Numb<br>● Insurans Kelompok<br>● Cabutan Bertuah</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Maklumat Pembayaran</td><td>Bayaran yuran penyertaan boleh dibuat melalui :-<br><br>Nama Bank : BANK RAKYAT<br>No. Akaun :11- 0149748 - 8<br>Nama Akaun : KOPERASI KOLEJ KOMUNITI SIK BERHAD<br>Ref : POLYCCRIDE2025</td></tr>
<tr><td>Maklumat Sekretariat</td><td>Urusetia Program POLYCC Ride :<br>Encik Mohd Khairan bin hj. Azhar (019-6698582)<br><br>Pendaftaran POLYCC Ride :<br>Encik Mahdi bin Md Daud (013-357 4593)</td></tr>
</table>

**MAKLUMAT AM**

***POLYCC RIDE @LANGKAWI 2025***

## 1. MAKLUMAT KAYUHAN

| | |
|---|---|
| **Tarikh** | Tarikh : 15 Februari 2025 (Sabtu) |
| **Tempat** | Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) – Langkawi |
| **Format Kayuhan** | “Fun Ride” |
| **Jarak Kayuhan** | Jarak kayuhan adalah 76km |
| **Kategori Umur** | 18 Tahun keatas |
| **Yuran Penyertaan** | Pelajar POLYCC (Percuma) |
| | RM 70/individu (Terbuka) |

## 2. PENYERTAAN

2.1 Penyertaan terbuka kepada semua **PELAJAR** POLYCC yang sedang mengikuti pengajian sepenuh masa di Politeknik dan Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan/ Unit Sukan disahkan oleh Ketua Jabatan/ Pegawai Sukan/ Pegawai Pembangunan Pelajar POLYCC.

2.1 Penyertaan **TERBUKA** perlu disahkan oleh majikan/institusi pendidikan/kelab/persatuan/keluarga/penjaga masing- masing.

2.3 Penyertaan selain daripada pelajar POLYCC dikenakan bayaran sebanyak RM70/individu.

## 3. PENDAFTARAN

3.1 Tiada had penyertaan bagi setiap POLYCC tertakluk kepada 300 terawal

3.2 Pendaftaran dibuat secara atas talian di pautan : **https://forms.gle/cJ2GAFj9nXTozCgAA**

3.3 Penyertaan daripada **PELAJAR** politeknik dan institusi pendidikan lain hendaklah mengemukakan **satu (1) Salinan Kad Pengenalan, Kad Matrik, Surat Lepas Tanggung** dan **Surat Pengesahan** semasa hari pendaftaran dan mengambil Kit Penyertaan.

3.4 Penyertaan bagi **TERBUKA (Kakitangan Kerajaan/Swasta/Komuniti)** perlu mengemukakan **satu (1) Salinan Kad Pengenalan, Surat Lepas Tanggung** semasa hari pendaftaran dan mengambil Kit Penyertaan.

3.5 Penyertaan bagi **TERBUKA (Pelajar)** perlu mengemukakan **satu (1) Salinan Kad Pengenalan, Surat Lepas Tanggung** dan **Surat Pengesahan** semasa hari pendaftaran dan mengambil Kit Penyertaan.

3.6 Hanya peserta yang berdaftar sahaja layak untuk berkayuh pada hari tersebut.

## 4. PENGURUS ACARA

4.1 Jawatankuasa Pengelola menggunakan khidmat sukarelawan yang terdiri daripada staf, pelajar dan kumpulan sokongan dari Pihak Berkuasa Tempatan.

## 5. TAKLIMAT KAYUHAN

5.1 Taklimat kayuhan akan diadakan sebelum pelepasan kayuhan dibuat

## 6. PAKAIAN DAN PERALATAN

6.1 Para peserta hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian

6.2 Peserta perlu memasang nombor-nombor yang dibekalkan semasa pengesahan pendaftaran bagi tujuan semakan pegawai-pegawai teknikal semasa kayuhan dijalankan.

6.3 Peserta perlu memakai kasut dan memakai topi keselamatan semasa kayuhan dijalankan.

## 7. PENANGGUHAN ACARA

7.1 Sekiranya cuaca buruk, Jawatankuasa Pengelola berkuasa untuk menangguhkan program.

## 8. INTERPRETASI

8.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Maklumat Am dan Peraturan Kayuhan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola yang berkenaan dan keputusan adalah muktamad.

**PERATURAN KAYUHAN**
**POLYCC RIDE 2025@ LANGKAWI**

1. Program Kayuhan ini akan bermula di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) – Langkawi

2. Tarikh program adalah pada 15 Februari 2025 dan peserta akan dilepaskan pada jam 7:30 pagi.

3. Format dianjurkan adalah acara “Fun Ride” dengan laluan jalan raya sepenuhnya dengan jarak 76 KM (+/-)

4. Pelepasan Kayuhan akan dibuat secara serentak

5. Tempoh masa kayuhan adalah maksimum 5 jam.

6. Peserta diwajibkan memakai topi keledar.

7. Peserta perlu berada di tempat permulaan kayuhan sekurang- kurangnya 30 minit sebelum acara bermula

8. Hanya peserta yang berdaftar sahaja dibenarkan berkayuh di laluan yang disediakan.

9. Peserta perlu melengkapkan jarak kayuhan yang ditetapkan (satu pusingan lengkap).

10. Terdapat 4 Zon sajian (‘*water station’*) disediakan sepanjang laluan.

11. Nombor peserta hendaklah dipasang di ‘Handle Bar’ basikal bagi memudahkan pengecaman oleh pihak teknikal.

12. Peserta tidak dibenarkan berpatah balik menyonsang laluan pertandingan untuk mendapatkan bantuan teknikal dan sajian.

13. Peserta diberikan *‘cut off time’* di setiap Check Point (Water Station)

    ***CP1 : Water Station 1 : 1 Jam 30 Minit***

    ***CP2 : Water Station 2 : 1 Jam***

    ***CP3 : Water Station 3 : 1 Jam***

    ***CP3 : Water Station 4 : 1 Jam 30 Minit***

14. Peserta yang telah tiba lewat dari masa yang ditetapkan hendaklah mengikut arahan komisar/petugas untuk tidak meneruskan kayuhan bagi tujuan keselamatan diri dan pengguna jalan raya lain. Peserta akan diarahkan menaiki kenderaan yang disediakan untuk kembali lokasi permulaan.

15. Perkhidmatan Kenderaan (bagi mengangkut basikal & Peserta) disediakan bagi peserta yang memerlukan bantuan atau jika tidak mampu menamatkan kayuhan.

16. Perkhidmatan teknikal samada dari rakan sepasukan, pasukan teknikal institusi dan seumpamanya dibenarkan tetapi perlu tidak mengganggu laluan serta menjejaskan keselamatan peserta lain.

17. Peserta hendaklah mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi dan tidak bertindak membahayakan semua peserta.

18. Peserta tidak dibenarkan berkayuh beriring atau menolak peserta semasa aktiviti dijalankan

19. Peserta tidak dibenarkan menggunakan apa-apa alat komunikasi semasa berkayuh.

20. Peserta hendaklah menjaga dan tidak mencemarkan alam sekitar.

21. Maklumat Lanjut mengenai Program POLYCC Ride dan Karnival TVET POLYY 2025 boleh diakses di pautan berikut :
**https://upikptss.edu.my/karnivaltvetpolycc/**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

# BORANG AKUAN LEPAS TANGGUNG PELAJAR / PESERTA

*(**Diisi dan dikembalikan kepada pegawai bertanggungjawab)*

**PROGRAM : …………………………………………………..**
**TARIKH : …………………………………………………..**

Bahawasanya, saya …………………………………………………………………………………………
No. Kad Pengenalan ……………………………… dari (nama institusi) ………………………………….
bersetuju untuk mengikuti program tersebut diatas secara sukarela.

**DENGAN INI**, bagi pihak diri saya, waris saya, wakil, pendaftar atau wakil-wakil lain di sisi undang-undang atau mana-mana satu daripada mereka, menolak segala tuntutan dan tindakan terhadap apa-apa kecederaan kepada badan atau hilang upaya atau mati atau apa jenis kerosakan sama ada kepada diri atau kepada harta saya, yang mungkin saya hadapi atau alami semasa tempoh saya mengikuti program yang dinyatakan (di atas).

**SAYA FAHAM DAN BERSETUJU,** melepaskan tanggungjawab dan tanggungan penganjur, institusi atau mana-mana kumpulan atau individu berkaitan ke atas kecederaan kepada badan atau hilang upaya atau mati atau apa jenis kerosakan sama ada kepada diri atau kepada harta saya.

**DITANDATANGANI OLEH YANG TERSEBUT NAMANYA DI ATAS,**

……………………………………………
(Tandatangan)
**NAMA : ……………………………………………………………**
**NO. KAD PENGENALAN : ……………………………………………………………**

**TARIKH** (*pada hari tandatangan*) : ……………………………………………………………

**DI HADAPAN,**

……………………………………………
(Tandatangan)
**NAMA SAKSI : ……………………………………………………………**
**NO. KAD PENGENALAN : ……………………………………………………………**

**TARIKH** (*pada hari tandatangan*) : ……………………………………………………………